

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Tuesday, September 26, 2017 2:28 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Profesor Kursi CIMB-UUM Diraikan Dalam Majlis Perpisahan



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



26 SEPTEMBER 2017 / 5 MUHARAM 1439H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Mohd Amir Aizat Sainon
Gambar oleh: Muhamamd Shamsul Shafie

PROFESOR KURSI CIMB-UUM DIRAIKAN DALAM MAJLIS PERPISAHAN



UUM ONLINE: Kuala Lumpur – Bagi menghargai sumbangan Profesor Kursi CIMB-UUM, Prof Emeritus Dr Salim Rashid, UUM telah mengadakan majlis perpisahan bersama beliau di Hotel Istana, malam tadi.

Majlis itu diadakan bagi mengenang jasa Prof Dr Salim yang telah berkhidmat cemerlang sebagai Profesor Kursi CIMB-UUM selama dua tahun sejak 2015.

Naib Canselor, Prof Dato' Seri Dr Mohamed Mustafa Ishak dalam ucapan penghargaannya berkata, selain mewujudkan kolaborasi dan rangkaian penyelidikan awam dan swasta dalam bidang perbankan dan kewangan, Prof Salim juga telah menjalankan pelbagai aktiviti akademik yang telah menaikkan nama UUM dan CIMB.

"Sepanjang dua tahun dilantik sebagai Profesor Kursi CIMB-UUM, Prof Dr Salim telah terlibat dengan pelbagai aktiviti akademik seperti memberi syarahan, mengadakan bengkel dan undangan sebagai penyampai ucap utama.

"Walaupun beliau akan meninggalkan kita, diharapkan kajian-kajian yang beliau lakukan akan diteruskan dan memberi inspirasi kepada ahli akademik lain untuk menitikberatkan aspek penyelidikan terutama dalam bidang ekonomi, perbankan dan kewangan negara, untuk manfaat generasi akan datang," ujarnya.

Naib Canselor turut berharap hubungan kerjasama antara UUM dengan Prof Dr Salim dapat diteruskan pada masa hadapan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.